

**Najib Tiba Di Tanah Air Selepas Menghadiri Mesyuarat APEC
Bernama
10 September, 2012**

SEPANG, 10 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak tiba di tanah air Ahad malam selepas menghadiri mesyuarat pemimpin-pemimpin ekonomi (AELM) Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) ke-20 di Vladivostok, Rusia pada 8 dan 9 Sept.

Pesawat yang membawa Najib dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor, tiba di Kompleks Bunga Raya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada 10.20 malam.

Najib, yang juga Menteri Kewangan, membincangkan pelbagai isu membabitkan liberalisasi pelaburan dan perdagangan serta integrasi ekonomi serantau, pengukuhan jaminan makanan, mewujudkan rangkaian bekalan berdaya saing dan kerjasama pemupukan pertumbuhan inovatif pada mesyuarat itu.

Beliau turut mengadakan mesyuarat dua hala dengan beberapa pemimpin APEC, termasuk Presiden Rusia Vladimir Putin selaku tuan rumah.

Sidang kemuncak itu, yang bertema 'Integrate to Grow, Innovate to Prosper' dihadiri 21 pemimpin ekonomi APEC.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=693332>